

Penjenamaan Invest Melaka diramal capai sasaran pelaburan

Yakin Melaka akan lebih cemerlang dalam bidang pelaburan pada 2020

[Yusri Sahat](#) 42 seconds ago



Saliawati Salberi

AYER KEROH 4 Feb. – Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) yakin penjenamaan semula Invest Melaka mampu mencapai sasaran pelaburan di negeri ini.

Exco Perindustrian, Perdagangan dan Pelaburan negeri, Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen berkata, pihaknya akan sentiasa memberi sokongan penuh kepada pengurusan PKNM dalam melaksanakan penjenamaan semula itu.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi PKNM berkata, penjenamaan itu membabitkan penambahbaikan fungsi, pembinaan laman sesawang dan logo khas Invest Melaka serta beberapa lagi aspek lain.

“Dengan berwajah baharu, saya berharap Invest Melaka akan lebih dikenali dalam kalangan pelabur sama ada dalam atau luar negara selain lebih efisien dalam menarik lebih ramai pelabur untuk melabur di negeri ini.

“Saya juga berharap dengan pelaburan ini dapat meningkatkan ekonomi rakyat Melaka dan seterusnya prestasi kewangan PKNM pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Perhimpunan Bulanan PKNM Bulan Februari yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif PKNM, Ir Ridhuan Affandi Abu Bakar, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Mohd Rafiq berkata, kesungguhan yang ditunjukkan warga PKNM dalam mengukuhkan prestasi cemerlang agensi itu sepanjang tahun lalu berbalas apabila seramai 11 anggotanya menerima Anugerah Perkhidmatan Awam Negeri Melaka (MAPAN).

“Turut menerima anugerah itu adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Khidmat Pengurusan dan Kewangan) PKNM, Datuk Mashitah Datuk Wira Ismail selain diharap kembalinya beliau ke agensi ini dapat membantu mempertingkatkan lagi prestasi serta pencapaian PKNM,” katanya.